

Selasa – 10 November 2020

Halaman : 33



NASIR Busu menunjukkan tanah perkuburan Orang Asli yang kerap berdepan pencerohan syarikat kebun sayur di kawasan Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

Kubur adat Orang Asli diceroboh

GUA MUSANG: Masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan Tanah Tinggi Lojing, dekat sini khuatir tanah kubur adat mereka dimusnahkan oleh pengusaha syarikat yang membuka kebun sayur di situ.

Penghulu Kampung Seng-sang di Pos Brooke, **Nasir Busu** mendakwa, kawasan kubur Orang Asli di sekitar Lojing kini terancam dengan aktiviti pembukaan kebun sayur baharu yang semakin meluas oleh syarikat-syarikat luar.

Katanya, masalah pencerobohan tanah perkuburan kaum itu bukan perkara baharu malah sering dihadapi mereka apabila aktiviti pembukaan tanah dijalankan.

“Kami terpaksa pertahankan kerana ia adalah kawasan kubur ahli keluarga kami sejak berpuluh tahun lalu.

“Jangan rosakkan kubur Orang Asli apabila hendak buka kebun sayur. Teliti dahulu di mana kawasan kubur kami sebelum membuat kerja,” katanya di sini baru-baru ini.

Nasir berkata, sebelum ini

penduduk Orang Asli berkumpul beramai-ramai di kawasan tanah perkuburan itu bagi menghalang jentolak pekebun sayur memusnahkan kawasan kubur adat mereka.

Ekoran bantahan itu, katanya, keadaan kubur masih bertahan.

“Antara kubur yang hampir musnah disodok syarikat perladangan itu termasuk kubur arwah bapa saya di Kampung Jedip, kira-kira setahun lalu.

“Kami berharap kerajaan negeri membuat kajian kawasan tanah yang terdapat kubur adat terlebih dahulu sebelum meluluskan tanah kepada syarikat yang mahu membuka kebun sayur,” katanya.

Seorang lagi penduduk, **Isa Alang**, 40, berkata, tanah perkuburan di sekitar tanah tinggi Lojing wujud sejak lebih 60 tahun lalu.

“Bukan sahaja kebun penduduk yang ditanam dengan pisang, petai dan durian musnah tetapi kini kubur pula menunggu masa dimusnahkan orang luar.